

Ahad, 8 September 2019 | 11:00am



belalang@mediaprima.com.my

## Ambil tindakan drastik tarik balik AP

Belalang menarik nafas lega apabila Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serius mengekang kegiatan menjual permit import (AP) bahan makanan di bawah penyeliaannya, melalui kaedah pemantauan dalam talian.

Belalang berharap KPDNHEP bertindak secara drastik, termasuk menarik balik AP jika disalahgunakan, kerana akhirnya yang menjadi mangsa adalah pengguna, tetapi pemegang AP mengaut keuntungan berganda.



Pemantauan perlu bagi memastikan pemegang AP wajib memasukkan data pergerakan barang, sama ada ia sudah sampai ke pelabuhan, seterusnya dijual kepada pihak lain seperti kilang atau pengusaha industri, kerana mengikut undang-undang, peruncit dilarang membeli terus daripada pemegang AP.